

Berlelah Lembut kepada Anak Yatim dan Fakir

Anak-anak yatim dan orang-orang muslimin itu adalah telah menjadi nasib dan peruntungan dirinya begitu.

Kalau sudah takdirnya begitu maka janganlah pula orang-orang mensiakannya. Agama sangat-sangat menegah mengherdik mereka.

Adapun pengertian mengherdik itu ialah: Mengeluarkan kata-kata atau tutur kata yang kasar-kasar, tutur kata yang menyediakan, atau menyakitkan hati mereka dan tutur kata yang merendah dan menghinakan mereka.

Di dalam *Sūrah al-Duhā* ada menyatakan bahawa anak-anak yatim janganlah dihina-hinakan dan orang yang meminta-minta (fananya) maka janganlah engkau herdik-herdiknya.”

Di dalam *Sūrah al-An ‘ām* Tuhan mengingatkan maksudnya: “Janganlah engkau mengusir akan orang-orang yang papa berserta engkau yang terus-menerus menyerukan (berdoa) kepada Tuhan mereka, mereka menghendaki keredaan Tuhan mereka. Tidak ada atas engkau pengiraan iman mereka dan tidak ada pula ada pengiraan iman engkau yang menyebabkan engkau menghalau mereka kerana itu jadilah engkau orang yang zalim.”

Dan *Sūrah Hajar* pula Allah menyuruh (maksudnya): “Dan rendahkanlah sayap – rahmat engkau bagi mereka yang beriman.”

Di dalam *Sūrah al-Baqarah* pula Allah berfirman (maksudnya): “Dan katakanlah (keluarkanlah kata-kata) kepada manusia, perkataan-perkataan yang baik-baik”

Daripada ini zahir bahawa kita dikehendaki berlaku lelah lembut terhadap anak-anak yatim, peminta-peminta dan penanya¹. Jika dapat, kita tunaikan permintaannya, tetapi jika tidak kita tolak dengan cara yang baik dan tidak menyakitkan hatinya.

Janganlah kalau mereka datang, sedihlah kita tidak menyampaikan hajat mereka tetapi kita mengherdik pula kepadanya. Ini sangat tidak baik terutamanya kepada mereka yang mudah hancur hatinya, anak-anak yatim dan fakir miskin itu. Ini adalah berlawanan dengan kehendak iman seseorang Islam.

Kepada sesiapa jua pun hendaklah kita berjaga-jaga dalam mengeluarkan kata-kata kerana tidak ada yang lebih baik daripada berlelah lembut.

Gunanya Malu

Al-Ḥayā’ lā ya ’tī illā Bikhaīr (Hadith sharif)

Ertinya: ((Sifat malu hanya mendatangkan kebaikan.))

Penjelasannya: Sifat malu ada tiga macam:

1. Malu kepada Allah.
2. Malu kepada orang.
3. Malu kepada diri sendiri.

Malu kepada Allah boleh menahan dari melakukanaksiat atau kederhanaan yang ditegah oleh Allah.

Malu kepada orang boleh mencegah orang tersebut daripada melakukan aniaya atau pencerobohan ke atas hak-haknya.

Malu kepada diri sendiri boleh menghalang seorang itu daripada melakukan segala kerja yang keji atau yang tidak layak dilakukannya semasa bersendirian.

Maka sifat-sifat yang telah disebutkan di atas dapat menjadikan seorang itu manusia yang cukup percaya kepada Allah dan percaya kepada sumbangannya terhadap tanah air di samping menyedari kemuliaan diri dan peribadinya.

¹ Teks asal tidak jelas dan dibaca dengan “penanya”